



## Globalisasi ekonomi dan impaknya kepada ruang budaya bandar Malaysia

Amriah Buang<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Amriah Buang (email: amriah@ukm.my)

### Abstrak

Kertas ini cuba menyerlahkan hakikat bahawa globalisasi ekonomi telah memberi impak kepada ruang budaya bandar Malaysia meskipun proses ini menerima rintangan. Dengan menampilkan gejala pendudukan budaya baru di Bangsar, Kuala Lumpur, kewujudan impak ini cuba dijelaskan dengan merujuk kepada beberapa laporan akhbar tempatan mengenai percubaan pihak-pihak berkenaan untuk membarat atau mengAmerikakan kedua-dua landskap dan aktiviti budaya di Bangsar. Dari segi landskap, kehadiran ramai ekspatriat di Bangsar telah membawa kepada terdirinya banyak bistro, pubs dan kedaiurut di jalan-jalan Bangsar Baru. Dari segi aktiviti budaya pula agen-agen tertentu telah cuba menganjurkan kegiatan baru yang berani seperti pesta mandi buah ala festival Woodstock Musical and Fair semasa perayaan Hari Valentine tahun 2000 yang telah mengundang tentangan dari komuniti masjid berdekatan dan memaksa kerajaan membatalkan permitnya. Meskipun peristiwa ini mencerminkan kedayaan pihak local untuk mempengaruhi impak global, namun ianya tidaklah harus ditafsirkan sebagai penerimaan pihak kerajaan akan reaksi pihak lokal. Minat kerajaan ialah memelihara daya saing Malaysia di mata dunia dan kerana itu masyarakat tempatan haruslah dapat menunjukkan sikap toleransi terhadap budaya global. Hanya perhitungan politik saja yang menyebabkan kerajaan berpihak kepada masyarakat tempatan dalam tentangan mereka terhadap budaya global yang sensate itu. Dengan kata lain, kertas ini menyimpulkan bahawa 'split personality' kerajaan inilah yang telah memudahkan penembusan ruang Malaysia oleh budaya sensate global.

**Katakunci:** budaya sensate, ekspatriat, globalisasi, landskap budaya, ruang budaya, tentangan lokal

## Economic globalization and its impact on Malaysia's urban cultural space

### Abstract

This paper attempts to make the point that economic globalization has impacted Malaysian urban cultural space although it is not a process that goes unchallenged. By alluding to the progressive formation of a new cultural area in Bangsar, Kuala Lumpur the impact is illustrated through newspaper accounts of the attempt by relevant parties to Westernise or Americanise both the landscape and cultural activities of Bangsar. In terms of landscape, the relatively strong presence of expatriates has led to the setting up of bistros, pubs and massage parlours along the Bangsar Baru streets. In terms of cultural activities, agents had sought to introduce bold new attractions such as the bubble bath after the fashion of the Woodstock Musical and Fair festival during a Valentine Day celebration in 2000 which ended up attracting solid resistance from the nearby mosque community and forced the state to have it cancelled. While this significantly shows the ability of the local to influence the impact of the global, it should not be interpreted as an act of acquiescence on the part of the state with regard to the local counteraction. In wanting to safeguard Malaysia's competitiveness, the state's interest is still uppermost in getting the local public tolerating, if not accepting, the 'global' culture. It is only political pragmatism that forced it to side with

the local resistance. In other words, it is the split personality of the state that has facilitated the encroachment and penetration of the Malaysian cultural space by the global sensate culture.

**Keywords:** cultural landscape, cultural space, expatriates, globalization, local resistance, sensate culture

## Pengenalan

Ruang budaya seperti yang lazimnya diperlakukan dalam geografi budaya adalah merujuk kepada ruang yang bersangkutan dengan aspek-aspek cara hidup seharian masyarakat manusia pada sesebuah tempat atau dalam sesebuah kawasan, sehingga cara dan gaya hidup mereka itu menjadi simbol-simbol jati diri masyarakat dan tempat atau kawasan tersebut. Hakikat bahawa cara-cara hidup itu dapat dihayati sehingga dapat menjadi pentakrif jati diri mereka menunjukkan bahawa dari masa ke masa keutuhan cara-cara hidup tempatan itu berjaya dipertahankan.

Keupayaan mempertahankan keutuhan budaya tempatan ini, bagaimana pun, semakin tergugat kerana angkara suatu proses baru yang dipanggil globalisasi, meskipun dilemma globalisasi bukanlah sesuatu yang tidak dapat dielakkan (lihat misalnya Ugarteche, 2000; Mittleman 1996) Terdapat beberapa kategori kebudayaan di dunia ini yang telahpun terglobal: (1) Budaya Makan -Makanan Jepun sudah ada di Amerika. Makanan Amerika pula semakin popular di Jepun. McDonalds mempunyai 10,500 restoran di 50 buah negara di dunia Kentucky Fried Chicken mempunyai lebih daripada 7,750 restoran di 58 buah negara; (2) Budaya Fesyen - Antara jenis fesyen pakaian yang digemari di seluruh dunia adalah seperti seluar Jean Levi, pakaian jenama Pierre Cardin, Yves Saint Laurent, dan Laura Ashley, dan pakaian sukan Esprit; (3) Budaya Kerja -Syarikat pengeluaran dalam era globalisasi juga terdiri daripada berbilang kaum dari negara-negara di dunia. Umpamanya, syarikat Esprit - di mana ketua grafiknya dari Jepun, juru gambarnya dari Itali, arkiteknya dari Perancis dan Itali; (4) Budaya Muzik dan Hiburan - Muzik Jazz dan disko telah menguasai dunia. Tempat hiburan seperti Disneyland juga diadakan di negara di luar Amerika, seperti di Jepun dengan panggilan Tokyo Disneyland (1987) dan di Marne-la-Valle di Paris dengan panggilan Euro Disneyland (1992); dan (5) Budaya Bahasa -Pada masa ini, bahasa Inggeris adalah bahasa komunikasi terpenting untuk perhubungan global. Sekarang terdapat satu bilion manusia yang bertutur dalam bahasa Inggeris dan pada tahun 2000 jumlah tersebut meningkat kepada 1.5 bilion.

Dalam membicarakan bagaimana aktiviti-aktiviti budaya yang kesemuanya menggunakan ruang fizikal ini berlaku, ciri-ciri yang biasanya hendak ditonjolkan ialah kedudukan aktiviti-aktiviti budaya ini dalam mempengaruhi keutuhan identiti budaya tempatan. Ini bererti isu-isu yang akan diutarakan ialah isu-isu seperti pertembungan budaya tempatan dengan budaya global dan bagaimana ianya di alami dan ditangani oleh budaya tempatan, lebih-lebih lagi peranan penguasa ruang tempatan (kerajaan) dalam mentadbirkan pertembungan ini.

Kertas ini bertujuan membincangkan bagaimanakah proses globalisasi ekonomi telah mempengaruhi evolusi ruang budaya di Malaysia sehingga bila ruang atau landskap budaya semasa Malaysia itu diperiksa maka terserlah beberapa entiti atau ikon (icon) yang wujud sebagai kesan atau akibat daripada landaan proses globalisasi ekonomi itu. Dalam konteks ini entiti atau ikon (icon) perubahan yang dibicarakan itu ialah fenomena pembentukan kawasan budaya baru di Bangsar.

## Bagaimana globalisasi mempengaruhi ruang budaya masyarakat Malaysia?

Proses globalisasi yang berlaku hasil daripada perkembangan pesat dalam bidang teknologi komunikasi, informasi (ICT) dan pengangkutan telah memungkinkan seluruh pelosok dunia dihubungi dengan mudah sehingga menjadi sukar bagi sesebuah kerajaan mengawal sempadan negaranya daripada pencerobohan budaya asing. Selaras dengan itu pencerobohan budaya bukan lagi datang melalui sempadan fizikal tetapi melalui sempadan udara dan alam maya. Proses

globalisasi telah memungkinkan siaran dan edaran maklumat dilakukan secara langsung antara individu tanpa boleh disekat dengan mudah oleh pihak berkuasa sesebuah negara.

Pencerobohan budaya boleh membawa kepada penjajahan budaya jika budaya yang menceroboh itu tidak dapat ditangkis oleh budaya masyarakat yang dicerobohnya. Persoalannya mengapakah budaya masyarakat tuan rumah seperti Malaysia begitu mudah dijajah? Jawapannya ialah kerana daya tarik dan daya asak bagi pihak budaya penceroboh menggunakan mekanisma ekonomi yang kelogikannya bukan saja sukar ditolak oleh kerajaan sekular sebagai pemimpin masyarakat tetapi juga mendapat dukungan kuat dari segmen perniagaan dalam negara tersebut.

Mekanisma ekonomi yang digunakan bagi pihak budaya penceroboh itu ialah pengkomoditian di mana budaya penceroboh dijadikan produk atau komoditi yang dapat dijual-beli (dikomersilkan, dibisneskan), dan instrumen untuk menjayakan pengkomoditian budaya penceroboh ini ialah media pengiklanan. Melalui media elektronik dan siber yang cekap dan berkesan berbagai produk budaya penceroboh - makanan, minuman, permainan, pakaian, hiburan, hobi, pergaulan, seks – diiklankan dan didakyahkan sehingga produk-produk tersebut bukan sekadar ingin dicuba oleh bakal pengguna (penduduk tempatan di negara yang dicerobohi itu) tetapi juga digemari dan menjadi pilihan. Bila ini berlaku ertinya budaya asal penduduk tempatan - makanan, minuman, pakaian, permainan, hiburan, hobi, pergaulan, seks – telah terjajah.

Kelogikan ekonomi perniagaan produk budaya sukar ditolak oleh kerajaan sekular kerana pentadbiran sekular mengutamakan keuntungan material bagi negara; pertumbuhan perniagaan produk budaya dipandang baik kerana boleh meningkatkan KDNK dan pendapatan negara, mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan, dan menggilap imej negara sebagai negara modern dan progresif. Segmen perniagaan dalam negara juga mendukung pencerobohan budaya ini kerana mereka juga mengutamakan peluang baru untuk meraih keuntungan maksimum.

Dengan kata lain, Malaysia ialah sebuah negara yang memilih untuk dicerobohi budayanya. Ini dapat dilihat dari hakikat betapa proses pemediaan di Malaysia berlaku dengan pesat melalui dasar liberalisasi kerajaan terhadap media cetak, pengkomersilan dan penswastaaan sistem penyiaran, pertumbuhan rangkaian kedai video dan arked permainan video. Perkembangan industri periklanan yang membelanjakan sejumlah RM2.7 bilion setahun juga dianggap sebagai pemangkin kepada industri media tempatan. Pelancaran satelit Malaysia MEASAT 1 pada 13 Januari 1996 juga membuka lembaran baru dalam industri media dengan keupayaan menerima siaran televisyen dan radio satelit.

Jadi, dalam proses globalisasi sekarang ini pendedahan media di Malaysia bukan sahaja terhad kepada media di dalam negara tetapi juga lebih terdedah kepada isi kandungan media antarabangsa. Pendedahan ini berlaku dalam tiga bentuk:

- (1) Secara langsung melalui rangkaian media antarabangsa seperti Internet dan siaran televisyen satelit;
- (2) Melalui rangkaian media tempatan yang menjadi ejen kepada isi kandungan media antarabangsa seperti menyiarkan program atau berita asing melalui rangkaian media tempatan, dan
- (3) Melalui isi kandungan media tempatan yang bertemakan isu-isu yang dibangkitkan oleh media antarabangsa seperti menterjemahkan skrip asing dalam drama tempatan, meniru kumpulan muzik dan penyanyi asing.

Telah dinyatakan di atas bahawa pengkomoditian budaya adalah satu lagi projek kapitalisme global (lihat juga Castells, 1996; McMichael, 1996). Budaya yang telah dan sedang diprodusikan untuk dibisneskan oleh agen-agen kapitalisme global ini ialah budaya barat umumnya atau budaya Amerika Syarikat khususnya. Dalam konteks ini satu lagi persoalan yang perlu dijelaskan ialah mengapakah budaya barat atau budaya Amerika yang dipilih untuk dikomoditikan dan dihantar melalui ICT untuk dijual kepada budaya-budaya lainnya di dunia ini?

Tiga faktor boleh diutarakan sebagai jawapannya :

- (1) Budaya Barat atau budaya Amerika banyak mengandungi unsur-unsur yang mudah untuk dikomoditikan. Unsur-unsur ini adalah unsur-unsur sensate budaya tersebut, iaitu unsur-unsur yang berkaitan dengan pencapaian keseronokan (pleasures), kepuasan (fulfillment), makna (meaning) kehidupan dan jatidiri (identity) menerusi penggunaan dan pemilikan

mata-benda dan pemuasan naluri atau nafsu asas manusia (baser instincts and desires) - makanan, minuman, pakaian, permainan, hiburan, hobi, pergaulan, seks;

- (2) Tamadun Barat umumnya atau tamadun Amerika khususnya merupakan tamadun yang masih mendominasi dunia Barat dan Amerika adalah kemuncak pencapaian tamadun manusia di bumi ini. Jadi ukuran tentang nilai baik, buruk, betul dan salah haruslah menurut ukuran Barat dan Amerika;
- (3) Kebanyakan teknologi dan tahu-buat (know-how) tentang pengkomoditian budaya ini telah diwujudkan dan masi berada di Barat dan di Amerika. Di sinilah proto-type kebanyakan produk-produk budaya komersil di rekapipta dan diujikaji. Apabila terbukti laris baharulah menjadi wajar untuk diglobalkan.

Bagaimanapun, penggunaan produk budaya Barat dan Amerika yang sensate ini bukanlah sesuatu yang kekal mutlak dalam globalisasi pengkomoditian budaya ini. Ada kalanya produk – produk budaya ini terpaksa disesuaikan dengan citarasa dan nilai tempatan jika perniagaannya hendak dilariskan dan keuntungan maksimumnya hendak dipertahankan. Misalnya di Bahrain, minuman Coca-Cola versi 'Islam' mula dijual, dan di India, McDonald's terpaksa menggantikan daging lembu dengan daging kambing untuk burgernya ( Utusan Malaysia, 21 Mei ; 19 Jun 2001). Bila keadaan seperti ini berlaku maka proses globalisasi telah dipengaruhi dan dipinda oleh proses glokalisasi.


Berlakunya glokalisasi bererti bahawa budaya dan masyarakat tempatan masih mempunyai upaya untuk menegosiasi pengaruh globalisasi sehingga dapat merubah sifat produk budaya yang didagangkan itu. Ia juga bererti bahawa pencerobohan budaya kerana globalisasi tidak semestinya berakhir dengan penjajahan budaya tempatan.

### **Bangsar – Pembentukan kawasan teras budaya baru**

Kawasan teras budaya (cultural core area ) adalah merujuk kepada kawasan yang menampung ciri-ciri dominan sesuatu budaya pada keamatan yang konsisten sehingga identiti unggul budaya tersebut menjadi terus menerus terserlah. Di Malaysia globalisasi budaya sensate Barat - atau dengan kata lain pencerobohan produk budaya sensate Barat ke dalam ruang budaya tempatan - telah berlaku dengan cukup berkesan sehingga sebahagian dari tempat di Malaysia telah pun menunjukkan ciri dan sifat sebuah miltu budaya Barat. Antara tempat yang dimaksudkan ini ialah Bangsar yang terletak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Bangsar secara umumnya mempunyai label yang tersendiri dengan nilai-nilai elit dan modennya. Di sini terdapat tadika elit bernama Tadika Little Harvard yang mengenakan yuran sebanyak RM2,200 sepeggal atau RM6,600 setahun (Utusan Malaysia, 18/02/2002). Pusat-pusat hiburan yang berjenama antarabangsa selain restoran mewah tertumpu di Bangsar (Kotak 1).

Bangsar diberi jolokan sebagai Beverly Hills bagi Malaysia kerana senang bertemu selebriti dan artis popular. Malah pembangunan di Bangsar lebih cenderung sebagai tempat ekspatriat, pelancong dan golongan elit berbelanja dan mengisi malam. Kawasan teras budayanya ialah Bangsar Baru yang diungkapkan sebagai "...one of the most happening places in KL and comes alive at night when the 'Bright and Beautiful' come here to see and be seen" (<http://www.geocities.com/dsmutum/kl.html>). Satu lagi ciri paling menonjol di Bangsar Baru ialah masyarakat tidak menghiraukan gelagat anih dari budaya baru itu (Kotak 1).




Rajah 1. Lokasi Bangsar

**Kotak 1.**  
**Bangsar - Formasi kawasan budaya baru**

Think of Bangsar and images of food, coffee and beautiful people immediately comes into my head. In Malaysia and looking for a bite, a drink, a book, carpets, furniture or just want to hang out and watch the World go by... Just go to Bangsar This is where people come to see and be seen.



Day



Night

Coffee or Wine anyone?

Caffeine addicts are in luck here - There are several cafes you can choose from - Starbucks, the Coffee Bean and Tea Leaf.... You will find these cafes packed even on week days and you know the Asian Crisis is over now (or is it?) - People are flocking back to Bangsar. Well since I first started this page, I have lost track of the places that have closed down and new ones coming up to take their places. If you are thirsty for a different kind of drink - the alcoholic kind, don't worry, Bangsar has probably the highest concentration of pubs and bistros in the whole of Malaysia. I suggest you try Grappa for a good selection of wines and *the Roof* for a place with a view. It has got a new "Blue" look now. According to Bangsar regulars, the most popular or "IN" or "COOL" places now are Bar Flam and Finnegan's. The most amazing thing is that they are all on one street - *Jalan Telawi 3*.

Hungry?

If you are hungry, you have a wide variety to choose from - ranging from Italian and French to Thai and Indian cuisine and of course modern "fast food." For those who love sea food, just head for the *Sea Food Village*. One good point about this place is that it has its own parking for its patrons. No Money? Jolly Green is the big food court with a green roof and a car park below. If you happen to be short of cash and can't afford to go to on of the expensive restaurants, go to the mamak stalls inside Jolly Green or ones outside which open up in the afternoon, next to the Sea food Village. You cannot beat *Devi's Corner* in terms of pricing. Try the Butter Nan with *Tandoori Chicken* there. They have several types of Tosai too. You can also try their *Nasi Lemak* there and wash it down with *Teh Tarik* - which means 'pulled tea' or with a glass of *Teh Ais Limau*- Ice lemon tea. They recently renovated the whole place and it looks and *feels* much better now. You may meet my friend - Jo, who has a Shake stall going on in the front of *Devi's*. He usually opens after 8 pm. His shakes are good too. Just along the road is the newly opened *Lotus*. Clean and bright but slightly more expensive than the former. This

place is as busy as Devi's. Another Indian Vegetarian restaurant is *Madras Woodlands* - the same row as *McDonalds*. You may miss it as it is not on the ground floor. There is a wide choice of North and South Indian dishes. The food is reasonably priced. I love the VIP meal and the *chapati* set.

#### Colours?

I just don't know why Bangsar has a lot of places with the names of colors - *Jolly Green*, *the Grey*, the *White Room* (recently closed down) and *the Red Chamber*. I walked into the Red Chamber some time back and guess what...I really liked the place, they have created a really cozy ambiance. With sofas, curtains, real cool music - ethnic, arabian, sufi and so on - and as the name suggests, a red colour theme. The best thing I liked was that none of the dishes were above RM20 and the food was really good. Try the *Asam Laksa* and you will agree with me. I really love the *Red Rubies* which is a drink made from coconut water plus milk and few other ingredients. Bad news for Vegetarians, not much for you there.

Just upstairs is *the Harem* run by the same management. With an Arabian theme you take off your shoes, just lie down and get comfy. However, do not try eating and drinking lying down - you may drip Asam Laksa all over your shirt. The "Shisha" (a type of scented, non-tobacco hookah) is a big hit there. Yes, people actually pay to inhale scented smoke. I noticed something new, there were more girls (dressed to kill) as compared to guys. Anybody got any answers? I wonder if there is some truth to the rumour that there are more girls than guys in the Klang Valley.

#### Books

If you are into books, there are a few places where you can grab something to read. There's MPH for those with a lot of money, just opposite Madras Woodlands. It has the widest choice, plus mags, stationeries as well as music CDs and cassettes. Then there is Silverfish books, next to Devi's. You have to climb up the narrow stairs. It has got a small but good collection of books including used ones. However, the best bargain can be had at *City Book Rentals* on the other side of Bangsar. More precisely at 40 Persiaran Ara Kiri, Lucky Garden. That's behind *TMC* super market. Their rules are simple, you pay an amount for renting books (used). You can then give it back after reading it and then you get back most of the money back. Some really good books there. I got *Forward the Foundation* by Issac Asimov today for RM20.

#### Illegal Trade

Don't be surprised if you suddenly happen to see a lot of people on Sunday. It is because the Pasar Malam or night market is open. Numerous stalls sell every imaginable thing from fake watches to vegetables and clothes. However, its getting tougher to get pirated CDs and VCDs now after the authorities clamed down on the illegal trade. Just down the road is the *Bangsar Shopping Complex* or BSC in short. Just a few months back, it looked like a dead place with many shop lots closing down everyday. Anyway most of the goods sold there were overpriced. However, after the renovation it is beginning to pull in the crowd. The customers are mostly expats who live nearby. On the top floor they have a bowling alley - 'Bangsar Bowl'. Not very crowded and reasonably priced. Haven't been there for a while.

And Finally I personally feel that the place is highly pretentious and materialistic but I guess that's how the World is now-a-days. You can see people spending hundreds of dollars on a single dinner and driving around in Ferraris and you can see beggars too. You can see the CD people packing their wares before the enforcement agencies raid the place. You can sometimes see young kids dead drunk and puffing away as if there is no tomorrow. You can see tourists from the West with SPGs (Sarong Party Girls) wrapped around them.

Yeh! You are right. Who am I to judge? Didn't I tell you that Bangsar has something for everyone. I am a part of the crowd too.

Sumber: <http://www.geocities.com/dsmutum/bangsar.html>

Imej budaya sensate global dikatakan cukup menonjol di Bangsar kerana di sinilah percubaan untuk menganjurkan parti mandi buih di adakan dua tahun dahulu dan mendapat permit dari kerajaan. Parti buih itu mengingatkan sambutan Hari Kekasih (*Valentine Day*) di jalanan yang hampir menjadi kenyataan di Bangsar beberapa tahun lalu:

Tetapi sambutan Hari Kekasih di jalanan (yang pastinya dapat bayangkan bentuk dan pengisiannya, tidak dapat diteruskan kerana mendapat bantahan daripada pihak jawatankuasa Masjid Abu Bakar Al Siddiq. Bayangkan kalau pihak masjid tidak mengambil pendekatan yang tidak popular itu. Penganjur parti jalanan itu telah mendapat permit dan mereka melakukan setelah mengikut prosedur yang sepatutnya.

Hakikat bahawa parti buih diadakan di Bangsar tidaklah mengejutkan Malaysia. Lainlah jika parti buih malam minggu 12 November 2000 lalu itu diadakan di tempat tidak elit seperti Kampung Kerinchi. Ini kerana lokasi, imej dan label elitis yang diberikan kepada Bangsar. Sebab

itu jika pihak polis tidak menyerbu dan membatalkan parti tersebut dan parti itu dapat diteruskan, ini pun tidak menghairankan masyarakat tempatan kerana Bangsar adalah Bangsar.

Pesta buih ini memperlihatkan beberapa persamaan dengan Woodstock Musical and Fair (*Woodstock*) yang berlangsung di Sullivan Country, Amerika Syarikat pada 15 hingga 18 Ogos 1969. Pesta muzik yang menjadi pencetus budaya baru, dadah dan seks bebas ini disertai oleh 450,000 anak-anak muda. *Woodstock* telah melahirkan budaya *hippies* yang menganggap manusia mempunyai kebebasan yang mutlak. Di pesta *Woodstock*, remaja berbogel, bergelumang dalam lumpur dan hidup dengan bebas selama tiga hari tiga malam. Amerika cukup berbangga dengan *Woodstock* yang mengundang antropologis dan psikologis membuat penyelidikan dan kajian ilmiah. Nampaknya *Woodstock* yang telah lebih tiga dekad berlalu masih belum hilang pengaruhnya. Budaya *hippies* terus diguna pakai di seluruh dunia sebagai satu simbol kebebasan dan kemodenan. Di *Woodstock* bergelumang dalam lumpur, di Bangsar bergelumang buih. Pesta *Woodstock* berlangsung dengan iringan muzik Bob Dylan, di parti buih juga ada muzik. Pesta *Woodstock* ada permit, parti buih juga ada permit tetapi melanggar sikit syarat-syaratnya. Kesilapan penganjur parti buih ialah melanggar syarat-syarat yang terdapat dalam permit antaranya parti itu di luar premis dan membuat bising. Kesilapannya hanya melanggar syarat. Ini bermakna, kalau parti ini diadakan di dalam premis, premis itu pula kedap bunyi, parti itu barangkali berlangsung dengan aman dan tidak akan diserbu polis (Ku Seman Ku Hussain, 2000).

#### Kotak 2.

#### Bangsar - Tempat berbudaya pub terbaik di Kuala Lumpur

You know the scenario: it's still early and you don't wanna drop to the floor before midnight either out of exhaustion or the alcohol. So, here's one of the best pre-club pubs we found in KL.

In KL, the whole Bangsar stretch (at least 3 streets) is the Boat Quay. And right smack in the middle of Jalan Telawi Tiga is ECHO. ECHO is the hip place to come and have a drink without having to resort to sleazy bars that sell cheap beer. It's young and flashy and point here that it's cool to be seen. You'll probably miss ECHO the first time you look for it, but find Modesto's and it's just opposite. ECHO is the only place along the stretch where you'd hear chill-out house coming from inside Extreme Chill.

Almost every night's a theme night at ECHO. The most chill out would be Sundays when Mak (the manager) says they sometimes toss in a few pillows so you can nap, if you want. That is Extreme Chill-Out. Famous foreign DJs have made their way here -- even the meisters from Singapore can be seen spinning their turntables once in a while. And yup, you might even catch a celebrity or two and buy them a drink...

Ah, elitism! For all you social climbers, this may interest you: Ohm is the private bar upstairs where they introduce a new way of clubbing. At Ohm, you can *pick* the people you want to party with. It plays almost the same music as downstairs but it's cozier and has that "inner sanctum" feel. You can hold private parties at Ohm, as well. We didn't ask what the criteria for entering Ohm were, but the management says it's relaxed some of "the rules" now. So, *you* give it a try next time you're there and let us know if you were privileged enough to get in. One piece of advice: if you want to see Ohm like we saw it -- super cool, I tell you -- then check it out soon 'cos they're revamping it completely.

So, anyone wanna pick me to party with?

Sumber: [http://onezine.s-one.net.sg/\\_Sat/21092002/Pubcrawl5/story.html](http://onezine.s-one.net.sg/_Sat/21092002/Pubcrawl5/story.html)

Implikasi penganjuran parti buih di Bangsar dan penyerbuannya oleh polis memberikan contoh terbaik kemelut nilai budaya dan moral yang melanda Malaysia akibat globalisasi, dan hipokrisi yang mencirikan penanganannya. Pemberian permit bererti parti buih ini direstui kerajaan. Jadi serbuan polis itu dibuat bukan kerana parti itu menyinggung sensitiviti agama dan tatasusila masyarakat pelbagai kaum di negara ini. Ertinya penganjur tidak melakukan kesalahan besar kerana ia mengikut prosedur dengan memiliki permit. Masyarakat tempatan harus menganggap kesalahan parti tersebut sebagai satu kesilapan teknikal bukan kesalahan moral.

Dengan demikian kerajaan seperti menyampaikan mesej bahawa memberi permit tersebut adalah pengorbanan yang terpaksa dilakukan untuk mendepani modenisasi dan globalisasi. Negara dan bangsa Malaysia terpaksa terbuka kepada 'kehadiran' (pencerobohan) budaya sensate Barat (yang ditampikan sebagai suatu produk budaya global) untuk mengelakkan dari dianggap tidak progresif atau anti globalisasi. Jika ini berlaku jumlah kedatangan pelancong akan menurun dan dengan itu pendapatan negara juga akan menurun. Justru itu pemberian permit kepada parti buih tersebut harus dilihat sebagai isyarat keterbukaan budaya Malaysia kepada globalisasi.

**Kotak 3.**  
**Polis serbu parti mandi buih haram**



Kuala Lumpur 12 Nov. - Polis menyerbu sebuah pusat hiburan di Jalan Maarof, Bangsar dekat sini awal pagi ini kerana menganjurkan parti mandi buih secara haram. Serbuan yang dilakukan pada pukul 1.50 pagi itu mengejutkan kira-kira 150 hingga 200 pengunjung parti tersebut kerana mereka sedang seronok mandi sambil menari. Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Kamaruddin Md. Ali berkata, polis juga menahan seorang wanita berusia 40-an yang menjadi pengusaha pusat hiburan tersebut serta mengambil keterangan beberapa pengunjung parti tersebut. Katanya, operasi bersepadu yang melibatkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) dan polis dilakukan setelah polis mendapat maklumat menerusi iklan dalam sebuah akhbar berbahasa Inggeris kelmarin.

Dalam iklan itu, pihak penganjur mencadangkan kepada orang ramai yang ingin menyertai parti tersebut sama ada memakai baju mandi atau telanjang. Mereka akan dikenakan bayaran masuk sebanyak RM35 yang boleh dibayar di pintu masuk atau bayaran RM30 menerusi laman web.

"Kelab itu juga didapati tidak mematuhi syarat kerana menimbulkan suasana bising sehingga mengganggu ketenteraman penduduk setempat," katanya di sini hari ini. Beliau memberitahu pengusaha pusat hiburan itu juga didapati tidak menghormati terdapatnya tempat ibadat berhampiran premis mereka itu iaitu sebuah kuil Hindu dan masjid. Katanya, kelab yang mendapat kelulusan permit tiga hari lalu itu juga melanggar syarat permit dengan menjalankan perniagaan di kawasan lapang di luar premis mereka. Sehubungan itu Kamaruddin menambah, beliau akan mengemukakan cadangan kepada DBKL untuk menarik permit pusat hiburan terbabit.

Sementara itu pemilik kelab Dr. Kurt Surcula berkata, parti buih itu tidak mendapat sambutan seperti yang diharapkan. Katanya, kehadiran sepasukan polis berhampiran kelab itu menyebabkan pengunjung bimbang untuk menyertai parti tersebut, walaupun telah mendapat permit dari DBKL. "Pengunjung yang datang kira-kira 150 orang berbanding sasaran awal sebanyak 1,000 orang," katanya.

(Sumber: Utusan Malaysia, 13/11/2000)

Bagaimanapun, di Bangsar, keterbukaan ini ada risikonya. Sementara ciri-ciri progresif gaya hidup baru mengakar di Bangsar, insiden-insiden jenayah ala Hollywood juga semakin merupakan sebahagian dari pengakaran itu. Oleh itu tidak hairanlah jika pada 26 Oktober 1998, Bangsar Baru telah dipilih sebagai pelopor konsep Bandaraya Selamat yang diperkenal dan dirancang oleh Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM). Pondok Polis Bangsar ini merupakan pondok polis moden pertama di negara ini yang dilengkapi dengan sistem kawalan berpusat (CMS) dan kamera litar tertutup (CCTV) bagi operasi cegah jenayah. Bandar Selamat Zon Bangsar adalah meliputi kawasan perumahan Sri Hartamas, Bukit Bandaraya, Bangsar Baru, Lucky Garden, kawasan sekitar Bangsar Park dan pekan Bangsar Baru (Utusan Malaysia, 29/10/1998). Namun demikian laporan-laporan kejadian jenayah di Bangsar selepas tarikh itu menunjukkan bahawa jenayah masih merupakan harga yang dibayar oleh Bangsar dalam evolusinya menjadi kawasan budaya sensate globalisasi (Kotak 4).



#### **Kotak 4. Jenayah berterusan di Bangsar**

Crime watch. One dead, two injured in attack in Bangsar Baru . A youth was killed and two of his friends were seriously injured after being attacked by a group of men outside an entertainment centre in Jalan Telawi 5, Bangsar Baru, KUALA LUMPUR early Saturday ... (Utusan Express, 27/01/2002 ).

Polis tahan peguam disyaki tembak mati pemuda

Polis tahan peguam disyaki tembak mati pemuda. KUALA LUMPUR 7 Jun - Polis menahan seorang peguam bergelar Datuk kerana disyaki menembak mati seorang pemuda ketika cuba mempertahankan diri setelah dipukul dengan sebatang kayu di Jalan Maarof dekat persimpangan Jalan Tempinis, Bangsar ( Utusan Malaysia, 8/06/2002 ).

Kedai emas dirompak RM400,000

Kedai emas dirompak RM400,000. KUALA LUMPUR 1 Jan. - Dua lelaki bersenjatakan dua pucuk revolver melarikan 10 dulang emas bernilai kira-kira RM400,000 dalam rompakan di sebuah kedai emas di Pusat Membeli-Belah Bangsar, di sini malam ini. Rompakan tersebut merupakan yang pertama pada tahun baru 2001 ... ( Utusan Malaysia, 2/01/2001).

#### **Kotak 5.**

#### **Satu percubaan tempatan mencabar pembentukan kawasan budaya sensate Bangsar**



#### **PROGRAM REMAJA HARMONI KELAB REMAJA ISLAM MASJID SAIDINA ABU BAKAR, BANGSAR**

Tempat : Dewan Masjid Saidina Abu Bakar, Bangsar

Tarikh : 19 - 21 April '02

Program ini diadakan bagi kedua untuk ahli Kelab Remaja Islam MSAB, Bangsar dengan disertai seramai 64 peserta yang terdiri daripada pelajar tingkatan 3 - 5. dalam program kali ini, para peserta telah dipecahkan kepada 4 kumpulan dengan dibantu oleh 4 orang fasilitator dengan diketuai seorang ketua pengendali.

Ini adalah kali kedua pihak AJK Masjid Saidina Abu Bakar As-Siddiq melalui RISMAS memberi kepercayaan kepada pihak kami untuk mendidik dan membimbing para remaja ke arah nilai hidup positif dan cemerlang.

Walaupun peserta perempuan lebih ramai dari lelaki iaitu seramai 55 orang, namun ia dapat dijalankan dengan baik dan lancar. Modul-modul yang disampaikan juga mencapai objektif yang digariskan. Hampir keseluruhan peserta merupakan para pelajar dari Sek Men Kebangsaan Bangsar.



Sebahagian daripada peserta program kedua ini akan dipilih untuk menganggotai 'Kumpulan Harmoni' yang akan dibentuk selepas ini dimana sebahagiannya lagi akan dipilih daripada peserta PRH yang pertama. Kumpulan Harmoni akan dibimbing secara khusus oleh kerabat ACCB selama hampir 1 tahun dengan kerjasama pihak RISMAS dan AJK Masjid sendiri.

ACCB adalah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang diperbadankan pada 18 April 2001. Ia didaftarkan sebagai Syarikat Berhad dengan jaminan dan tidak mempunyai modal berbayar.

ACCB mendokong aspirasi murni untuk mendidik dan memimpin masyarakat ke arah nilai hidup BerTuhan dan Berkasih Sayang demi kehidupan yang harmoni dan sejahtera. Dengan tema “BerTuhan dan Berkasih Sayang”, ACCB bercita-cita membawa masyarakat umum menghayati, menjiwai dan mengamalkannya dalam kehidupan peribadi, keluarga, masyarakat, negara dan dunia amnya.

Mesej ini akan disebarakan melalui pelbagai pendekatan dan aktiviti yang sedang dan akan dilaksanakan. Antaranya ialah program-program kebajikan, motivasi dan bina insan, seminar, penulisan artikel, penerbitan buku dan majalah, dialog dan sebagainya (Kotak 5). ACCB berharap, pihak-pihak lain akan turut bersama-sama mendokong dan memperjuangkan nilai-nilai ini demi kemakmuran dan kesejahteraan sejagat.

Evolusi ini, bagaimanapun, adalah evolusi yang ditarungi. Di Bangsar masih ada elemen budaya tempatan yang cuba menumpulkan budaya penceroboh dengan menggunakan institusi masjid di situ. Misalnya, sebuah program mendidik remaja Bangsar kepada ketaqwaan telah dianjurkan oleh Kelab Remaja Islam Masjid Saidina Abu Bakar, Bangsar (RISMAS) dengan kerjasama Alif Caring Centre Berhad (ACCB).

## Kesimpulan

Kertas ini telah membincangkan perubahan ruang budaya Malaysia akibat proses globalisasi ekonomi. Ia telah menunjukkan bagaimana akibat dari pengkomoditan budaya sensate Barat umumnya dan Amerika Syarikat khususnya, dengan memperalatkan media dan ICT telah mencero bohi ruang budaya tempatan Malaysia dan menjajahnya. Antara lain, kesan-kesan perubahan yang dibawa oleh penjajahan ini dapat dilihat dalam keupayaan budaya sensate ini melahirkan kawasannya (landskapnya) sendiri seperi yang diilustrasikan oleh Bangsar.

Cuma apa yang perlu diiktirafi dalam konteks globalisasi budaya di Malaysia ialah hakikat berupayanya para pendukung dari segmen-segmen tertentu budaya tempatan mengajukan beberapa bentuk tindak balas terhadap penjajahan budaya sensate global itu. Dengan itu mereka menumpul dan mencairkan sedikit sebanyak pengaruh budaya asing.

Upaya mereka itu, bagaimanapun, tidaklah dapat ditafsirkan sebagai mencerminkan sikap dan pendirian sebenar kerajaan. Fakta-fakta yang ada menunjukkan bahawa bilamana kerajaan kelihatan bertindak memihak kepada tindak balas tempatan ini bukanlah kerana ianya menyanggah nilai-nilai budaya sensate global. Sebaliknya masyarakat tempatan masih sentiasa cuba diderikan supaya mahu mentoleransi, jika pun tidak menyenanginya, demi kemajuan ekonomi negara. Dengan kata lain budaya sensate dapat menerjah dan merobah ruang budaya Malaysia kerana sikap ‘split personaliti’ kerajaannya.

## Rujukan

- Castells M (1996) *The rise of the network society*. Blackwell Publishers, Oxford.  
Castells M (1997) *The power of identity*. Blackwell Publishers, Oxford.  
<http://www.geocities.com/dsmutum/bangsar.html>  
[http://onezine.s-one.net.sg/\\_Sat/21092002/Pubcrawl5/story.html](http://onezine.s-one.net.sg/_Sat/21092002/Pubcrawl5/story.html)  
Ku Seman Ku Hussain (2000) Apa dihairankan dengan parti buih. *Utusan Malaysia* 14 September.  
McMichael P (1996) *Development and social change: A global perspective*. Pine Froge Press, Thousand Oaks, California.  
Mittleman J (ed) (1996) *Globalization: Critical reflections*. Lynne Rienner Publishers, Boulder.  
Ugarteche, O. (2000). *The false dilemma - globalization: Opportunity or threat* Inter Pares dan Zed Books Ltd, Ottawa and London.  
*Utusan Express*, 27/01/2002  
*Utusan Malaysia*, 8/06/2002 ; 2/01/2001;13/11/2000; 18/02/2002